

B

AWAS!

CEGAH JANGKITAN EVD (Ebola Virus Disease)

Perhatian kepada mereka yang baru pulang dari negara-negara yang terjejas dengan jangkitan EVD (iaitu negara Afrika Barat). Gejala berikut mungkin dialami seawal 2 hingga 21 hari selepas pendedahan:

- Demam
- Kelesuan
- Sakit sendi
- Sakit kepala
- Sakit otot
- Muntah
- Cirit - birit
- Ruam
- Pendarahan



Bagaimana anda mungkin terdedah kepada virus ebola?

Melalui kontak secara langsung dengan:

- Cairan badan individu yang jatuh sakit atau meninggal dunia akibat EVD, seperti darah, muntah, najis, air kencing dan sebagainya.
- Objek yang tercemar dengan virus ebola, seperti jarum suntikan, peralatan perubatan yang digunakan ke atas pesakit dan lain-lain lagi.
- Cairan badan haiwan yang dijangkiti, seperti darah, cairan badan mahupun dagingnya.



Sila pantau tahap kesihatan anda dan dapatkan rawatan **SEGERA** di fasiliti kesihatan berhampiran sekiranya anda mengalami gejala-gejala seperti yang dinyatakan.



Diterbitkan oleh :
Kementerian Kesihatan Malaysia
www.myhealth.gov.my | www.infosihat.gov.my

